

BULETIN

HORIZON

EDISI 14

**JOHAN
Sepanduk
Terbaik
Maulidur
Rasul di
Selangor
2016**

**Program
Pelupusan
Al Quran**

ICT WEEK
GREEN ICT
CAMPAIGN

Pn Rohaiza
Penasihat Undang-undang
Gerak Gempur KUIS

Tinta Pengarang

السَّلَامَةُ عَلَيكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya Buletin Horizon Edisi ke-14 ini dapat dihasilkan untuk diterbitkan.

KUIS membuka tirai 2017 dengan semangat dan azam yang baharu bagi mencapai sasaran jumlah keseluruhan pelajar 12,000 orang. Semua warga KUIS perlu menjadikan tahun baru ini sebagai tahun yang lebih bermakna untuk mencapai kecemerlangan pada masa hadapan. YBhg. Prof Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri, Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, dalam perutusan tahun baharunya mengingatkan semua warga KUIS agar bekerja sebagai safu pasukan. Konsep ingat mengingati, lengkap melengkap dan kebersamaan dalam sebarang pekerjaan.

Peranan Penasihat Undang-Undang di KUIS menjadi fokus utama penerbitan edisi kali ini. Pelantikan Penasihat Undang-undang dan penubuhan Pejabat Penasihat Undang-undang melengkapkan lagi tadbir urus KUIS. Buletin Horizon kali ini membentangkan peranan, tugas dan kaitan Institusi Pendidikan Tinggi yang merupakan hub akademik dengan undang-undang. Antara fungsi utama Penasihat Undang-undang KUIS adalah sebagai penasihat perkara berkaitan perundangan, penggubalan dan semakan dokumen, guaman, isu berkaitan tata tertib pelajar dan tadbir urus KUIS.

Di kesempatan ini saya memohon kepada semua kakitangan dari fakulti, pusat dan bahagian untuk menyumbangkan artikel atau penulisan berbentuk ilmiah, nasihat, program anjuran persatuan, kemasyarakatan atau apa-apa bentuk penulisan yang boleh dikongsi bersama KUIS. Segala hasil penulisan anda boleh dihantar kepada kami untuk diterbitkan 3 bulan sekali setiap bulan.

SIDANG PENGARANG

Penaung

Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Tamuri

Ketua Editor

Dr. Zulkifli Abd Hamid

Editor

Ani Abd Jalil

Wartawan

Rohaiza binti Mat Noh

Ani Abdul Jalil

Mazzaid Mazelan

Rafiza Kasbun

Nurnabilah Mohd Shukor

IRCIEF

Norazreen Roslan

Raaihan Alias

Rohana Zakaria

Perunding Grafik

Shahrizam Azmeer

Raihan Alias

Miss maskah Tohrayo

Pembaca Prof

Mudzirah Aishah Pawanteh

Dr. Norfazila Ab. Hamid

Ani Abdul Jalil



dan menepati peruntukan perundangan. Ahli Lembaga Pengarah KUIS juga bersetuju secara dasar pewujudan jawatan Penasihat Undang-undang sebagai salah seorang daripada Pengurusan Tertinggi KUIS berdasarkan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Surat pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi yang bertarikh 12/08/2011 telah dikeluarkan dan telah mengarahkan pewujudan jawatan tersebut di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam khasnya dan arahan tersebut adalah rentetan daripada pindaan dalam Perlembagaan Intituti Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang mengiktiraf jawatan Penasihat Undang-Undang sebagai salah seorang Pegawai Utama Intituti Pengajian Tinggi yang berperanan dalam memantapkan sistem perundangan dan governan di Institusi Pengajian Tinggi yang kian mencabar.

Penubuhan Pejabat Penasihat Undang-undang KUIS

Maka, sekitar tahun 2011 tertubuhlah Pejabat Penasihat Undang-Undang KUIS yang diurustadbirkan oleh seorang pegawai pinjaman daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan telah menjawat jawatan Penasihat Undang-Undang bagi tempoh lebih kurang 2 tahun di KUIS. Selepas itu dan sehingga kini, pejabat tersebut diurustadbir oleh seorang pengamal undang-undang yang telah didaftarkan sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya sekitar tahun 2002 dan telah beramal lebih kurang 13 tahun pengalaman sebagai Peguambela dan Peguamcara sebelum menjawat jawatan Penasihat Undang-Undang KUIS. Kini beliau dibantu oleh seorang pegawai undang-undang yang juga merupakan pengamal undang-undang yang telah didaftarkan sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya sekitar tahun 2003 dan juga telah beramal lebih kurang 13 tahun sebagai Peguambela dan Peguamcara sebelum menjawat jawatan Pegawai Undang-Undang KUIS. Urus tadbir pejabat ini turut disokong oleh dua orang pegawai sokongan yang lain yang menjadikan pegawai di Pejabat ini termasuk Penasihat Undang-Undang adalah seramai empat orang sahaja.



PERANAN

PENASIHAT UNDANG-UNDANG

DI KUIS

Secara ringkasnya, tugas utama Penasihat Undang-Undang adalah seperti berikut:

01 Penasihat

Antara fungsinya adalah:

a) Berperanan bagi memberi khidmat nasihat dalam semua hal-hal perundangan berkaitan governan, polisi, pembangunan, pekerja, hal ehwal pelajar, hal ehwal kampus dan hal ehwal akademik tetapi terhadap kepada isu-isu yang ada risiko atau liabiliti dari sudut perundangan sahaja.

b) Membantu mentafsir undang-undang apabila dikehendaki.

c) Menjadi tempat rujukan untuk penafsiran atau pemahaman mana-mana pernyataan berkaitan undang-undang sama ada di dalam akta, statut, kaedah, Peraturan, perundangan subsidiari, pekeliling dan sebagainya.

d) Memberi nasihat dari sudut penurunan risiko dalam mengurangkan liabiliti dan kos perundangan

e) Menasihati KUIS tentang apa-apa akta, statut, kaedah, peraturan, perundangan subsidiari, pekeliling atau keputusan kehakiman yang relevan dan memerlukan pengubahsuaian berdasarkan amalan dan prosedur KUIS.

f) Menasihati KUIS berkaitan risiko dan liabiliti dari sudut perundangan bagi setiap kontrak atau transaksi yang dimasuki dengan pihak luar supaya setiap transaksi yang dimasuki oleh pihak-pihak berkaitan mematuhi skop dan bidang kuasa yang ditetapkan oleh Akta IPTS 1996 (Akta 555), Perlembagaan Kolej Universiti dan undang-undang serta peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa ke atas KUIS.

Penasihatan yang diberikan adalah berasaskan kepada Dictum Ratio Legist Est Anima Legis yang menegaskan bahawa nas undang-undang merupakan asas pandangan undang-undang. Oleh itu, segala nasihat dan pandangan yang diberikan adalah berdasarkan maklumat yang telah disediakan dan disokong oleh pembuktian-pembuktian yang nyata, maka ianya bebas dari pertimbangan lain tanpa dasar pilih kasih atau ketakutan bagi menegakkan kebenaran dan keadilan selaras dengan syari'at Islam.

02 Gubalan & Semakan

Antara fungsinya adalah:

a) Menyediakan, mendraf, menyemak dan menasihati terma-terma dan syarat-syarat berkaitan perundangan dalam penyediaan Memorandum Persefahaman (MOU), Perjanjian atau Kontrak, dan dokumen – dokumen yang mempunyai risiko dan liabiliti perundangan kepada pihak KUIS dan juga berkaitan dengan hak dan kepentingan pihak KUIS.

b) Membantu dalam rundingan berkaitan terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian kontrak dengan pihak luar bagi melindungi hak dan kepentingan KUIS.

c) Mengurus proses dokumen perundangan KUIS

d) Membantu pusat tanggungjawab (PTJ) KUIS dalam mendraf atau mengubal termasuk meminda mana-mana polisi atau peraturan yang di bawah kendalian dan tanggungjawab PTJ berkaitan.

03 Guaman

Antara fungsi bahagian ini termasuklah bertanggungjawab untuk :-

- a) Mengendalikan urusan tuntutan Kolej Universiti melalui saluran undang-undang terhadap kes ingkar / langgar kontrak oleh pegawai dan pe- lajar KUIS serta pihak ketiga selepas tindakan sepatutnya telah diambil oleh bahagian atau PTJ berkaitan.
- b) Mengendali dan mengurus- kan mana-mana kes mahkamah yang melibatkan KUIS sebagai pihak yang didakwa atau KUIS sebagai pihak yang mendakwa.
- c) Membantu pihak fasiliti atau PTJ berkaitan dalam urusan berkaitan har- tanah KUIS.
- d) Menyemak , menyelia dan mem- bantu panel peguam yang mewakili Kolej Universiti.
- e) Mengurus pelantikan dan penamatan serta memantau prestasi Panel Peguam KUIS.
- f) Memantau dan melaporkan kepada KUIS kes-kes Mahkamah yang melibatkan KUIS.
- g) Meneliti saman, affidavit dan doku- mentasi perundangan dan mendapat- kan nasihat panel peguam yang dilantik untuk dikemu- kakan kepada Mahkamah. h) Men- guruskan tuntutan hutang KUIS mela- lui saluran perundangan.

04 Tatatertib Pelajar

Antara fungsinya adalah:

- a) Menyemak dan menyaring kes-kes tatatertib pelajar KUIS sebelum didakwa di dalam Prosiding Tatatertib Pelajar KUIS.
- b) Mengendalikan pendakwaan bagi kes tatatertib pelajar-pelajar KUIS. c) Bagi kes tatatertib Pegawai, pen- gendalian adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab Bahagian Pen- gurusan Insan (BMI) KUIS tetapi apabila dirujuk oleh pihak BMI, Pejabat Penasi- hat Undang-Un- dang akan membantu

dalam menyemak dan menasihati BMI dalam pengendalian kes tatatertib pegawai dari sudut kekuatan dan kelemahan kes bagi mengelakkan sebarang kelemahan teknikal diper- soalkan dikemudian hari dan menjadi kelemahan kepada pihak KUIS.

05 Bahagian Tadbir Urus.

Antara fungsi Bahagian Tadbir Urus termasuk bertanggungjawab untuk :-

- a) Pemantauan dan penasihat berkaitan tadbir urus atau amalan pelaksanaan pentadbiran dan operasi Kolej Universiti mengikut governan dan undang-undang;
- b) Menguruskan perancangan dan pengendalian latihan undang-undang Pejabat Penasihat Undang-undang;
- c) Memantau dan menasihati supaya pemakluman dan pengheba- han berkaitan undang-undang dasar polisi atau peraturan Kolej Universiti yang berkuatkuasa dan yang baru di pinda/di gubal kepada semua pega- wai dan pelajar Kolej Universiti oleh ba- hagian atau pusat tanggungjawab (PTJ) yang berkaitan.



PN ROHAIZA
PENASIHAT UNDANG-UNDANG

KUIS JOHAN SEPANDUK TERBAIK MAULIDUR RASUL NEGERI SELANGOR 2016



KUIS JOHAN SEPANDUK TERBAIK MAULIDUR RASUL NEGERI SELANGOR 2016

Bandar Seri Putra, 16 Disember 2016 - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menyertai Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1438H / 2016M yang bermula dari Stadium Mini Shah Alam dan berjalan sejauh kira-kira 2 kilometer sebelum berakhir di Stadium Malawati, Shah Alam pada Isnin yang lalu.

Tarikh keramat 12 Rabiulawwal 1438H pada tahun ini telah jatuh pada 12 Disember 2016 telah memberikan sedikit sebanyak peluang kepada 90 kontinjen melibatkan pelbagai jabatan serta agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), Masjid dan sekolah untuk menyertai perarakan tersebut dengan jayanya.

Dalam menjayakan Sambutan Maulidur Rasul yang saban tahun telah disertai oleh KUIS, kali ini KUIS telah berjaya meraih johan pertandingan sepanduk terbaik bagi kategori NGO/IPTA/IPTS/Masjid. Dalam majlis penyampaian hadiah yang penuh gilang-gemilang, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah berkenan menyampaikan hadiah berkenaan yang berupa cek bernilai RM1,500.00, sijil penyertaan, dan plak cenderahati.



SESI FOTO BERSAMA REKTOR



PELAJAR KUIS

Menurut Encik Mazzaid bin Mazelan, antara salah seorang pegawai pengiring yang hadir dan turut serta dalam perarakan majlis berkenaan mewakili KUIS, beliau menyatakan tahun ini merupakan tahun kedua beliau menyertai perarakan ini yang melibatkan 40 pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Qiraat serta 3 orang pegawai pengiring daripada Bahagian Pembangunan Mahasiswa, KUIS.

Turut hadir meluangkan masa bersama kontinjen perarakan KUIS adalah Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Ab. Halim bin Tamuri, Rektor KUIS bersama isterinya. Beliau berkesempatan mengucapkan syabas dan terima kasih kerana telah bertungkus lumus sebagai wakil KUIS dalam menjayakan sambutan Maulidur Rasul pada kali ini. Semoga usaha murni ini dapat terus dikekalkan dalam usaha meningkatkan nama baik KUIS serta sama-sama mengambil peluang menghayati perjuangan dan rasa cinta terhadap Nabi Muhammad S.A.W.

TAHNIAH KUIS.

By En. Mazzaid Bin Mazalan

2016 QUARTERLY ISLAMIC FINANCE PUBLIC LECTURE IRCIEF-IRTI SOCIAL ECONOMY (IN COLLABORATION WITH PPS AND INHAD)



PUBLIC LECTURE BY
YB SENATOR DATO' DR ASYRAF WAJDI
DATO' DUSUKI



OPENING SPEECH BY
PROF DATO' DR AB. HALIM TAMURI

International Research Centre for Islamic Economics and Finance (IRCIEF) in collaboration with Islamic Research and Training Institute (IRTI) of Islamic Development Bank (IDB), Center for Postgraduate Studies (PPS) and Hadith Research Institute (INHAD) had organized the 2016 Quarterly Islamic Finance Public Lecture IRCIEF-IRTI on 26 September 2016 at Auditorium Dr. Zainuddin Jaffar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). The event was attended by more than 100 participants from various institutions of higher learning, representatives from Islamic financial institutions, government officials, and KUIS Lecturer.

The public lecture entitled "Social Economy" was delivered by YB Senator Dato' Dr Asyraf Wajdi Dato' Dusuki, Deputy Minister in Prime Minister Department.



Q&A SESSION

The program began with the recitation of du'a led by Ustaz Muhammad Syafee Salihin Hassan followed by an opening speech by Prof Dato' Dr Ab. Halim Tamuri, Rector of KUIS. Among the attendees from the KUIS management team were; Dr. Mokmin Basri, Deputy Rector (Academic and Research); Dr Mohamad Syukri Abdul Rahman, Deputy Rector (Student Development & Alumni) and En. Zulhizzam Hamzah, Registrar.

Prepared by:
Nurnabilah Mohd Shukor
10 October 2016

FSTM MENDAPAT SAMBUTAN PELBAGAI PIHAK


Pada 7 hingga 9 September 2016 lalu, Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menganjurkan Program 'ICT Week & Green ICT Campaign 2016' yang berlangsung di sekitar FSTM. Program ini dijayakan seramai 70 lebih orang mahasiswa dan mahasiswi semester 5 kursus Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia) dan Diploma Sains Komputer dengan hasil kerjasama yang padu kalangan beberapa pensyarah FSTM.



PELAJAR DAN PENSYARAH
FSTM KUIS

Pengarah Program, Puan Rafiza Kasbun berusaha memastikan program dijalankan dengan sebaik mungkin bagi membuka minda dan sudut pandang orang ramai betapa pentingnya pelaksanaan Kitar Semula dan Kesedaran ICT Hijau dalam kehidupan dan pembe- lajaran khusus kepada pelajar FSTM dan KUIS umumnya. Sekaligus ia dapat memberi satu titik permulaan dalam mengimplementasi kehidupan secara lebih baik pada generasi akan datang. Selain itu, program juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep menganjurkan kempen kesedaran ICT Hijau sekal- igus membolehkan pelajar bersedia menghadapi realiti kehidupan pada masa akan datang dengan kebanjiran peralatan elektronik terpakai dan terbuang yang semestinya menuntut tanggungjawab individu terhadap alam sekitar dan kelestarian bumi.

Sepanjang program juga terdapat dua pertandingan peringkat fakulti yang dijalankan iaitu Pertandingan Mencipta Logo FSTM dan juga pertandingan 'hacking' iaitu Hax-IT. Ia bertujuan memberi nilai tambah kepada proses pembelajaran pelajar-pelajar FSTM serta memberi gambaran sebenar realiti menyertai pertandingan kepada para pelajar. Pemenang-pemenang mendapat hadiah wang tunai, hamper, plak dan juga sijil penyertaan.



PAMERAN POSTER PELAJAR



PENYAMPAIAN SAGUHATI

PROGRAM 'ICT WEEK & GREEN ICT CAMPAIGN 2016'



PELAJAR DAN PENSYARAH
FSTM KUIS



BERGOTONG ROYONG
ELEKTRONIK KE TONG SAMPAH



MEMBUANG BARANGAN
ELEKTRONIK KE TONG SAMPAH



Pelajar-pelajar juga turut mendapatkan barang-barang elektronik terpakai seperti komputer lama, televisyen, telefon bimbit, tetikus, pencetak, pengimbas dan lain-lain untuk dijual kepada Pusat Kitar Semula. Hasil jualan dan kutipan berjumlah RM100 telah diserahkan kepada Muslim Care sebagai sumbangan khidmat ummah. Walaupun jumlah jualan barangan terpakai ini tidaklah besar, namun ia cukup membukakan minda pelajar-pelajar dan orang ramai bahawa barangan elektronik terpakai boleh dijual di pusat kitar semula dan akan diproses dengan cara yang lebih baik. Ini bagi mengelakkan banjir peralatan elektronik terpakai di rumah dan pejabat yang kelak hanya mendatangkan mudarat tanpa sedar kepada penghuni rumah dan pekerja pejabat.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini turut mendapat tajaan daripada beberapa pihak yang sangat prihatin tentang aktiviti pelajar di IPTS antaranya Syarikat Yeos Sdn Bhd, CS Brothers Sdn Bhd, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Pejabat Menteri Besar Selangor, Adun Bangi, Bank Rakyat dan lain-lain lagi. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada mereka.

BY: RAFIZA KASBUN

CONFERENCE ON MALAYSIAN ISLAMIC ECONOMICS AND FINANCE (CMIEF) 2016

**THE 3RD CONFERENCE ON
MALAYSIAN ISLAMIC ECONOMICS
AND FINANCE (CMIEF) 2016**

**“Empowering Islamic Social Finance
as Social Security Tool”**

DATE : 24TH AUGUST 2016 | WEDNESDAY
TIME : 9 AM - 5 PM (OPENING CEREMONY & KEYNOTE: 11AM-1PM)
**VENUE : THE INTERNATIONAL INSTITUTE OF ADVANCED ISLAMIC STUDIES (IAIS) MALAYSIA,
JALAN ELMU, OFF JALAN UNIVERSITI, 59100 KUALA LUMPUR.**

Officiate by:
YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Bin Dasuki
Deputy Minister at Prime Minister's Department

Guest of Honor:
Y.A.Bg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi,
Former Prime Minister
Founding Patron of WaqfWorld.org

Keynote Speakers:
Emar Munshi
Founder of Ethis Ventures.

Organizers:
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
EKONIS-UKM
hadhari
International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia
MAMPU
MAMPU

International Research Centre for Islamic Economics and Finance (IRCIEF) in collaboration with Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), EKONIS-UKM, Hadhari-UKM, International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) has organized the Conference on Malaysian Islamic Economics And Finance (CMIEF) 2016 with the theme "Empowering Islamic Social Finance as Social Security Tool" on 23 August 2016 at International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia. The event was attended by about 100 participants from various institutions of higher learning, representatives from Islamic financial institutions, government officials, and students. The conference was officiated by YB Senator Dato' Dr Asyraf Wajdi and the keynote speaker for the event was Mr Emar Munshi, founder of Ethis Venture. Tun Abdullah Ahmad Badawi, the former Prime Minister also attended this event as the Guest of Honour.

The objectives for this conference were to discuss the findings in the field of Islamic economics and finance besides suggesting the research papers to be selected for publication in the indexed journals. This conference was also organized to provide an opportunity for local academics from SMEs and Higher Education Institutions (HEIs) to learn new ideas apart from building network with leading researchers in the field of Islamic economy.

Prepared by:
IRCIEF
1 September 2016

GELARY CONFERENCE ON MALAYSIAN ISLAMIC ECONOMICS AND FINANCE (CMIEF) 2016



YB SENATOR DATO' DR ASYRAF WAJDI DELIVERED THE OFFICIATING SPEECH



THE KEYNOTE ADDRESS BY MR EMAR MUNSHI



VVIP LINE FOR THE PROGRAM INCLUDING PROF. DATO' DR. AB. HALIM BIN TAMURI , RECTOR OF KUIS

GERAK GEMPUR



PELAJAR DAN PENGUNJUNG MELAWAT GERAI KUIS

PROJEK KHAS GERAK GEMPUR SPM / STPM / STAM 2016

Bahagian Pemasaran dan Komunikasi (BPK), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan kerjasama Sekretariat Pemasaran KUIS telah menjalankan Projek Khas Gerak Gempur SPM / STPM / STAM 2017 bermula pada 19 Januari 2017 bagi Gerak Gempur STAM, 28 Feb 2017 bagi Gerak Gempur STPM dan 16 Mac 2017 bagi Gerak Gempur SPM.

Projek Khas Gerak Gempur SPM / STPM / STAM 2017 ini melibatkan semua pegawai KUIS secara langsung bagi mensasarkan jumlah kemasukan pelajar 6000 orang pada tahun 2017. Antara negeri yang terlibat dengan program ini ialah Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak dan Johor.



BERSAMA BAKAR PELAJAR KUIS

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memperkenalkan peluang-peluang pendidikan terkini yang ditawarkan oleh KUIS bagi tahun 2017 kepada semua pelajar-pelajar lepasan SPM, STPM dan STAM serta seba- gai persediaan pengambilan pelajar untuk jangka masa panjang.

BPK turut merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan atas sokongan terhadap promosi KUIS, begitu juga kepada semua kakitangan KUIS yang turut serta turun padang bertemu bakal pelajar KUIS.

Norazreen Roslan
MARCOM



SEKRETARIAT PEMASARAN DAN KOMONIKASI KUIS



MEMBERI PENERANGAN KEPADA BAKAL PELAJAR

LAWATAN MESRA DARI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AL-ZUHRI

Bandar Seri Putra - Pada 18 Januari 2017, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah menerima lawatan mesra dari Institut Pengajian Tinggi Al-Zuhri yang terletak di Singapura. Lawatan yang dihadiri seramai 40 orang mahasiswa program Syariah dan Bahasa Arab. Rombongan ini turut disertai oleh dua orang pensyarah merangkap ketua pengiring.

Sesi perjumpaan berlangsung di Auditorium Dr. Zainuddin Jaafar (Audi Pentadbiran) KUIS diwakili oleh Ketua Bahagian (Bahagian Pemasaran dan Komunikasi) dan beberapa orang pensyarah dari setiap fakulti.

Lawatan seperti ini diharapkan dapat mengeratkan lagi hubungan dua hala antara Institut Pengajian Tinggi Al-Zuhri dan juga KUIS selain daripada dapat mempromosikan program-program yang ada di KUIS dapat menarik minat mahasiswa-mahasiswa dari Singapura.

Raihan Alias
MARCOM



PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AL- ZUHRI
DAN
PEGAWAI KUIS

PELUPUSAN AL QURAN



Pelajar Ijazah Sarjana Mudan al Quran al Sunnah dan Komunikasi.



Penyampaian Saguhati



Pelepasan Abu al Quran di lautan



Sesi foto di Pelabuhan Klang

Pulau Indah, Pelabuhan Klang, 22 Ogos 2016 – Seramai 30 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda al-Quran al-Sunnah dan Komunikasi semester 7 dengan gabungan Ijazah Sarjana Muda al-Quran al-Qiraat semester 4 yang mengambil subjek Sejarah Mashaf Kontemporari (IBQQ 2203), turut disertai oleh Ustazah Rohana binti Zakaria selaku penasihat program dengan kerjasama dua pegawai dari Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat Selangor dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah menjalankan satu program pembuangan abu al-Quran yang bertempat di Pulau Indah Pelabuhan Klang. Proses membuang abu al Quran di laut sejauh 15 batu nautika merupakan peringkat terakhir pelupusan abu ayat suci al-Quran setelah selesai pembakaran abu al-Quran.

Program ini diadakan bertujuan bagi mendedahkan kepada masyarakat khususnya kepada para pelajar supaya mengetahui kaedah-kaedah yang lebih beradab dalam pelupusan al-Quran yang tidak boleh digunakan atau yang telah rosak.

Majlis telah berjalan dengan lancar dan diakhiri dengan penyampaian cenderahati beserta sesi bergambar bersama para petugas dari Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), pegawai dari Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat dan kesemua pelajar yang terlibat. Sekalung tahniah bagi semua yang terlibat dalam program ini, diharapkan program ini dapat diteruskan sebagai program khidmat ummah mahasiswa KUIS kepada komuniti.

Pn. Rohana Bt Zakaria